

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berjaya menyusun semula corak pekerjaan yang kini menjadi lebih berbilang kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri juga berkata lebih ramai Bumiputera kini menyertai sektor-sektor moden ekonomi hasil kejayaan DEB.

Ketika membentangkan Rancangan Malaysia Keenam di Dewan Rakyat di sini, beliau berkata dasar itu mencapoi kemajuan pesat dalam usaha membasmi kemiskinan di kalangan semua kaum, sama ada di bandar atau di luar bandar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kejayaan-kejayaan DEB sudah cukup untuk menolak dakwaan sesetengah pengkritik kerajaan, dengan menambah kata bahawa kestabilan politik dan sosial yang dicapai di bawah DEB telah membolehkan kerajaan memulihkan ekonomi lebih cepat daripada yang dijangkakan oleh ramai pihak semasa zaman kemelesetan.

Ragaimanapun, katanya, sungguhpun kemajuan dari segi kuantitatif adalah menggalakkan, usaha yang lebih gigih perlu dijalankan bagi meningkatkan kualiti penyertaan Bumiputera dalam ekonomi.

Perdana Menteri juga berkata bahawa atas usaha-usaha gigih yang dilaksanakan di bawah DEB, pencapaian agihan pendapatan telah bertambah baik.

+Kita akan terus melaksanakan program-program DEB di bawah Rancangan Malaysia Keenam selaras dengan strategi mencapai pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama di bawah Dasar Pembangunan Negara, yang menggantikan DEB. -- Bernama